

Dalam petikan di bawah, terdapat **empat kesalahan bahasa**. **Gariskan empat kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Setiap orang memerlukan masa tidur yang berbeza mengikut umur, tahap kesihatan dan aktiviti hariannya. Misalnya, golongan remaja memerlukan tidur antara enam hingga lapan jam sehari. Tidur yang paling berkualiti sekali ialah tidur pada waktu malam. Tidur amat penting bagi melancarkan proses metabolisme karbohidrat dalam badan. Melalui proses ini, badan seseorang mengeluarkan hormon pertumbuhan yang berfungsi untuk memperbaiki sel-sel yang rosak. Kajian mendapatkan bahawa tidur yang cukup mampu meningkatkan keupayaan untuk belajar dan membantu dalam memelihara daya ingatan seseorang. Selain daripada itu, proses penyimpanan maklumat di dalam otak juga berlaku semasa tidur.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan bahasa**. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Masalah petempatan di kawasan bandar berpunca daripada penambahan penduduk yang terlalu tinggi di kawasan tersebut.

(ii) “Jika sekiranya anda mempunyai apa-apa kemusykilan yang berkaitan dengan masalah ini, silalah hubungi talian radio kami sekarang,” kata juruhebah stesen radio itu.

(iii) Banyak penonton meminati rancangan televisyen di stesen itu oleh kerana stesen itu sering menyiarkan berita-berita mutakhir secara langsung.

(iv) Ika Zulaikha telah memperindahkan halaman rumah baharunya dengan menanam pelbagai jenis bunga.

(v) Suasana di kawasan kampung sangat menyenangkan terutamanya di waktu pagi.

(vi) Kita sepatutnya berasa bangga pada keistimewaan yang terdapat di negara kita ini.
